

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan Yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini memberi maklumat penting mengenai Pembiayaan Berjangka-i Bercagarkan Sijil Amanah Saham Bumiputera / Amanah Saham Bumiputera 2 ("Pembiayaan ASB/ASB2") anda.

PEMBIAYAAN BERJANGKA-i BERCAGARKAN SIJIL ASB/ASB2

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu, oleh sebab itu anda harus membacanya juga.

Tarikh : 31/12/2025

1. Apakah Pembiayaan Berjangka-i Bercagarkan Sijil ASB/ASB2?

- (a) **Pembiayaan Berjangka-i Bercagarkan Sijil ASB/ASB2** merupakan suatu kemudahan pembiayaan berjangka yang patuh Syariah, dengan mencagarkan Sijil Amanah Saham Bumiputera ("ASB") / Amanah Saham Bumiputera 2 ("ASB2"). Kemudahan Pembiayaan ini boleh digunakan untuk membiayai pembelian unit ASB/ASB2 (100% Margin Pembiayaan) atau tidak lebih daripada 105% sekiranya termasuk pembiayaan elemen-elemen berikut:
 - a) Fi Pengendorsan;
 - b) Fi Duti Setem;
 - c) Cukai Perkhidmatan
 - d) Takaful (Pilihan).
- (b) Pembiayaan ini memerlukan Sijil ASB/ASB2 anda dicagarkan sebagai sekuriti. Sijil ini akan diendoskan dan disimpan dalam jagaan Bank sebagai cagaran bagi pembiayaan yang diberikan.
- (c) **Konsep Syariah yang diguna pakai adalah:**
Komoditi Murabahah melalui Tawarruq: Komoditi Murabahah terdiri daripada dua kontrak jual beli. Yang pertama melibatkan penjualan aset (contohnya minyak sawit mentah (crude palm oil ("CPO")), soya atau logam seperti aluminium dan tembaga, atau kombinasi daripada komoditi sedia ada) oleh penjual kepada pembeli dengan harga tokokan dan berdasarkan bayaran tertangguh. Selepas itu, pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga pada harga kos dan secara lani. Dengan konsep Tawarruq, anda akan menerima wang tunai sebagai pertukaran bagi komoditi yang dijual kepada pihak ketiga.
Wakalah: Wakalah merujuk kepada kontrak dimana pihak prinsipal memberi kuasa kepada pihak lain sebagai ejen untuk menjalankan sesuatu tugas yang boleh diwakilkan kepadanya, samada dengan atau tanpa upah.
Rahn: Rahn merujuk kepada kontrak dimana pihak pemberi cagar mencagarkan sesuatu aset sebagai cagaran kepada pihak lain penerima cagar bagi memenuhi tanggungan si penghutang.

2. Ketahui obligasi anda.

- (a) **Apakah yang saya perolehi daripada pembiayaan produk ini ?**
Jumlah Amaun pembiayaan : RM 200,064.00
Ansuran Bulanan : RM 932.00

Tempoh Pembiayaan	:	40 tahun
Kadar Asas Standard Islamik ("KASI")*	:	2.75%
Kadar Keuntungan Siling ("KKS")	:	10.25%
Harga Jualan**	:	RM 834,332.38
Kadar Pembiayaan Lembaga	:	KASI + 3.10%
Kadar Keuntungan Efektif ("KKE")	:	4.75%
Jumlah pembayaran pada akhir 40 tahun	:	RM 447,093.71

Nota :
*KASI ditetapkan sebagai Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang diputuskan oleh Bank Negara Malaysia. KASI boleh naik atau turun disebabkan perubahan dalam OPR.
**Harga Jualan = Jumlah Pembiayaan + Jumlah keuntungan berdasarkan KKS. Walau bagaimanapun, jumlah pembayaran akan dikira berdasarkan KKE. Bank akan memberi rebat ke atas baki keuntungan yang selebihnya seperti yang dinyatakan dalam item 4 (a) (v) di bawah.
- (b) **Anda juga perlu membayar fi dan caj seperti berikut :**

Duti Setem	:	Duti setem adalah seperti yang termaktub di Akta Setem 1949 (Disemak 1989)
Fi Pengendorsan*	:	RM 50 setiap sijil
Cukai Perkhidmatan	:	RM 4 (cukai sebanyak 8% dikenakan ke atas Fi Pengendorsan)

Nota:* Yuran sekali bayaran sahaja untuk kemudahan pembiayaan (tidak termasuk cukai perkhidmatan dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa).
- (c) **Lain-lain Yuran, Cukai & Perbelanjaan**
Bagi mengelakkan keraguan, anda hendaklah menanggung semua yuran profesional, cukai (termasuk cukai perkhidmatan dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa), dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan produk ini.

- Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk :**
- Baca dan fahami terma-terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani.
 - Membayar bayaran ansuran anda tepat pada masanya dan sepenuhnya selama tempoh pembiayaan. Hubungi pihak Bank sekiranya anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.
 - Pastikan anda mampu membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi sekiranya Kadar Dasar Semalaman (OPR) meningkat.
 - Hubungi pihak Bank dengan kadar segera jika anda mempunyai masalah dalam membuat pembayaran.

3. Ketahui risiko-risiko anda.

- (a) **Apakah yang berlaku jika anda gagal membuat pembayaran?**
 - Anda hendaklah membayar Ta'widh (ganti rugi) kepada Bank seperti berikut:
 - i. Sebelum tarikh matang pembiayaan:
Satu peratus (1%) setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran dan/atau penyelesaian penuh;
 - ii. Selepas tarikh matang pembiayaan:
Kadar ganti rugi yang tidak melebihi kadar semasa Pasaran Wang Antara Bank secara Islam (IIIM) BNM ke atas jumlah baki tertunggak
 - Apa-apa Ta'widh yang dikenakan tidak akan dikompaun.
 - Bank berhak, dengan memberi notis bertulis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada anda, untuk menolak apa-apa wang di dalam mana-mana akaun anda dengan Bank untuk membayar sebarang amaun yang tertunggak berkaitan Pembiayaan ini.
 - Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada penarafan kredit anda yang membawa kepada kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda.
 - Pihak Bank mempunyai hak untuk mencairkan sijil-sijil ASB/ ASB2 dalam hal peristiwa mungkir.

Notis bertulis empat belas (14) hari kalendar akan dikeluarkan oleh pihak Bank sekiranya anda gagal menjelaskan ansuran bulanan untuk dua (2) bulan berturut-turut. Anda diberikan tempoh empat belas (14) hari kalendar (seperti yang dinyatakan di dalam notis) untuk membuat bayaran ansuran yang tertunggak. Sekiranya anda gagal membuat bayaran selepas tamat tempoh empat belas (14) hari kalendar tersebut, pihak Bank berhak untuk menjual sijil saham ASB / ASB2 tersebut tanpa apa-apa rujukan lagi kepada anda.

b) **Ansuran bulanan anda mungkin akan meningkat semasa tempoh pembiayaan**

KASI mungkin meningkat disebabkan kenaikan OPR yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Peningkatan dalam KASI bermakna anda perlu membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi.

Kadar	Hari ini (KASI = 2.75%)		Jika KASI naik 1%		Jika KASI naik 2%	
Ansuran Bulanan	RM	932.00	RM	1,067.00	RM	1,208.00
Jumlah keuntungan pada akhir 40 tahun	RM	247,029.71	RM	310,453.82	RM	377,578.32
Jumlah bayaran pada akhir 40 tahun	RM	447,093.71	RM	510,517.82	RM	577,642.32

Apa-apa pembayaran lebih bayaran bulanan akan dianggap sebagai bayaran pendahuluan. Bayaran pendahuluan atau lebih bayaran akan mengurangkan baki pembiayaan seterusnya mengurangkan pengiraan keuntungan ke atas Pembiayaan.

4. Terma-terma lain.

(a) **Bagaimana sekiranya saya melangsaikan sepenuhnya Pembiayaan sebelum tarikh matang?**

- Atas budi bicara, Bank akan memberi Rebat (Ibra') ke atas mana-mana jumlah yang perlu dibayar oleh anda berhubung dengan apa-apa bayaran yang kena dibayar di bawah Pembiayaan dalam mana-mana keadaan yang berikut:
 - Apa-apa penyelesaian awal atau penebusan awal oleh anda termasuk bayaran pendahuluan;
 - Apa-apa penyelesaian kemudahan Pembiayaan disebabkan mana-mana penyusunan semula Pembiayaan oleh anda;
 - Apa-apa penyelesaian oleh anda apabila berlakunya Kejadian Kemungkinan;
 - Apa-apa penyelesaian oleh anda dengan menamatkan atau membatalkan kemudahan Pembiayaan sebelum tamat Tempoh Pembiayaan
 - Perbezaan di antara jumlah keuntungan berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif dan Kadar Keuntungan Siling (jika ada).

Rebat (Ibra') = * Baki keuntungan belum diperolehi - Caj penyelesaian awal (jika ada).

* Baki keuntungan belum diperolehi adalah sama dengan keuntungan belum terialisasi pada masa penyelesaian penuh.

Pengiraan Rebat (Ibra') hendaklah dibuat mengikut apa-apa kaedah, peraturan dan/ atau arahan (sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak) yang diperlukan atau dikenakan ke atas pihak Bank dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank.

(b) **Adakah saya memerlukan apa-apa perlindungan takaful ?**

- Pembiayaan Takaful Berjangka Pengurangan Berkelompok ("GRTT") ada disediakan.

Nota: Anda mempunyai pilihan samada untuk mendapatkan Perlindungan Takaful atau tidak. Sekiranya anda memilih untuk mendapatkan Pembiayaan Perlindungan Takaful, kakitangan jualan kami akan memberikan sebut harga bagi takaful yang ditawarkan oleh panel Bank. Walaubagaimanapun anda bebas mendapatkan perkhidmatan syarikat takaful lain, namun, untuk mengelakkan dari sebarang kelewatan dalam urusan takaful, anda digalakkan untuk menggunakan perkhidmatan syarikat takaful dibawah panel Bank.

(c) **Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan anda, anda boleh:**



Hubungi kami di:
Tel : 03-9206 8118



Layari laman sesawang:
<http://www.rhbgroup.com>



E-mel kami di:
customer.service@rhbgroup.com



Imbas Kod QR

Versi 25-10-2025

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Dear Customer,

This Product Disclosure Sheet provides you with key information on your Term Financing-i Collateralized By Amanah Saham Bumiputera/Amanah Saham Bumiputera 2 Certificate (ASB/ASB2 Financing)

TERM FINANCING-i COLLATERALIZED BY ASB/ASB2 CERTIFICATE

Other customer have read this Product Disclosure Sheet and found it helpful, therefore you should read it too.

Date : 31/12/2025

1. What is Term Financing Collateralized by ASB/ASB2 Certificate?

- (a) **Term Financing Collateralized by ASB/ASB2 Certificate** is a Shariah-compliant term financing facility which is collateralized by Amanah Saham Bumiputera ("ASB")/Amanah Saham Bumiputera 2 ("ASB2") certificate. This Financing Facility may be used to finance the purchase of ASB/ASB2 units (100% Margin of Financing) or no more than 105% if the financing of the following elements are included:
- Endorsement Fee;
 - Stamp Duty;
 - Service Tax
 - Takaful (optional).
- (b) This financing requires your ASB/ASB2 certificate pledged as security. The certificates will be endorsed and kept under the Bank's custody as collateral for the financing granted.
- (c) **The Shariah concept applicable:**

Commodity Murabahah via Tawarruq: Commodity Murabahah consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset (for example crude palm oil ("CPO"), soy or metal like aluminium and copper, or a combination of available commodities) by a seller to a purchaser at a marked-up price and on deferred payment basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party at cost price and on spot basis. Through Tawarruq, the Customer will receive cash as an exchange for the commodity sold to the third party.

Wakalah: Wakalah refers to a contract where a party, as principal authorizes another party as his agent to perform a particular task on matters that may be delegated, with or without imposition of a fee.

Rahn: Rahn refers to a contract where a party, as pledgor pledges an asset as collateral to another party, a pledgee to fulfil an obligor's liability or obligation owing to the pledgee in the event of default of such obligor.

2. Know your obligation.

(a) What do I get from the financing of this product ?

Total Financing Amount : RM 200,064.00

Monthly Instalment : RM 932.00

Financing Tenure	:	40 years
Standardised Base Rate Islamic (SBRI)*	:	2.75%
Ceiling Profit Rate ("CPR")	:	10.25%
Selling Price**	:	RM 834,332.38
Board Rate	:	SBRI + 3.10%
Effective Profit Rate ("EPR")	:	4.75%
Total payment at the end of 40 years	:	RM 447,093.71

Note :

*The SBRI is set as the Overnight Policy Rate (OPR) decided by Bank Negara Malaysia. The SBRI can rise or fall due to changes in the OPR.

**Selling Price = Total Financing + Total Profit based on CPR. However, the total payment will be calculated based on EPR. The Bank will give a rebate to the remaining profit as per stated in item 4 (a)(v) below.

(b) You also have to pay the following fees and charges :

Stamp Duty : Stamp duty is as stipulated in the Stamp Act 1949 (Revised 1989)

Endorsement Fee* : RM 50 per certificate

Service Tax : RM4 (a tax of 8% is imposed on the Endorsement Fee)

Note*: One time fee charged for approved financing (not inclusive of service tax and/or any applicable taxes imposed from time to time).

(c) Other Fees, Taxes & Expenses

For the avoidance of doubt, you shall bear all professional fees, taxes, (including service tax and/or any applicable taxes imposed from time to time), and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect of this product.

It is your responsibility to :



Read and understand the key terms in the contract before you sign it.



Pay your monthly instalment timely and in full during the financing tenure. Contact the Bank if you wish to settle your financing earlier.



Ensure you can afford to pay a higher instalment if the Overnight Policy Rate (OPR) rises.



Contact the Bank immediately, if you are unable to pay your monthly instalment.

3. Know your risks.

(a) What if I fail to fulfill my obligations?

- The Customer has to pay Ta'widh (compensation) to the Bank as follows:

i. Before the financing maturity date:

One percent (1%) per annum on the outstanding instalment up to the due date and /or full settlement;

ii. After the financing maturity date:

A compensation rate which shall not be more than BNM Islamic Interbank Money Market (IIMM) current rate on the outstanding amount after maturity or end of financing.

- Any Ta'widh imposed will not be compounded.

- The Bank reserves the right by giving seven (7) calendar days prior written notice to you, to debit any money in any of your accounts with the Bank to pay any outstanding amount related to this financing.

- Legal action against you may affect your credit rating leading to credit being more difficult or expensive to you.

- The Bank shall have the right to liquidate the ASB/ASB2 certificates in the Event of Default.

- A fourteen (14) calendar days written notice will be issued by the Bank in the event you fail to pay the monthly instalments for two (2) months consecutively. You are given a fourteen (14) calendar days grace period (as stated in the notice) to make the outstanding instalment payment. In the event you fail to make the said payment after the expiry of fourteen (14) calendar days, the Bank reserve the right to redeem the ASB/ASB2 certificates without any further reference to you.

b) **Your monthly instalment may increase during the tenure of your financing.**

The SBRI may increase due to a rise in the OPR set by Bank Negara Malaysia. An increase in SBRI means that you have to pay a higher monthly instalment.

Rate	Today (SBRI = 2.75%)	If SBRI goes up 1%	If SBRI goes up 2%
Monthly Instalment	RM 932.00	RM 1,067.00	RM 1,208.00
Total Profit Amount at the end of 40 years	RM 247,029.71	RM 310,453.82	RM 377,578.32
Total Payment Amount at the end of 40 years	RM 447,093.71	RM 510,517.82	RM 577,642.32

Any additional amount made to the monthly payment will be considered as advanced payment. Advance payments or overpayments will reduce the principal balance of the financing and further reduce the calculation of profit on the financing.

4. Other key terms.

(a) **What if I fully settle the financing before its maturity?**

- The Bank shall have the discretion to grant rebate (ibra') on any amount payable by the Customer in respect of any payment due under the Facility in any of the following situations:

- early settlement or early redemption by the Customer including prepayment;
- settlement of the Facility due to any financing restructuring exercise by the Customer;
- settlement by the Customer upon occurrence of the Event of Default;
- settlement by the Customer in the event of termination or cancellation of the Facility before the expiry of the Tenure;
- difference between the amount of profit based on Effective Profit Rate and Ceiling Profit Rate (if any).

Rebate (ibra') = *Remaining Unearned Profit – Early Settlement Charges (if any).

**Remaining Unearned Profit is equal to unrealised profit at the time of full settlement.*

The calculation of rebate (ibra') shall be made in accordance with any rules, regulations and/or directives (whether or not having the force of law) required of or imposed upon the Bank from time to time and at any time by Bank Negara Malaysia or any other authority having jurisdiction over the Bank.

(b) **Do I need any takaful coverage?**

- Group Reducing Term Takaful ("GRTT") financing is available.

Note : You have the choice whether to get the Takaful Protection or not. If you choose to get a Takaful Protection Financing, our sales staff will provide a quotation for the takaful offered by the Bank's panel. However, you are free to seek services from other takaful companies, nevertheless in order to avoid any delays in Takaful arrangements, you are encouraged to use the services of Takaful company under the Bank's panel.

(c) **If you have any enquiries or require assistance regarding your financing, you can :**



Contact us at :

Tel : 03-9206 8118



Visit us at :

<http://www.rhbgroup.com>



E-mail us at:

customer.service@rhbgroun.com



Scan the QR code

Version 25-10-2025